

Telex: BU 2650
Cable: MARINE BRUNEI
Telephone: 2771347-56
Faks: 2771357
E-mail: info@marine.gov.bn



جباتن لاوت
DEPARTMENT OF MARINE
MINISTRY OF COMMUNICATION
SERASA, MUARA BT1728
BRUNEI DARUSSALAM

NOTIS PERKAPALAN DOMESTIK BIL: 01 / D / 2012

Untuk Perhatian,
Pemilik, Syarikat Perusahaan dan Ejen-Ejen Perkapalan Kapal Tongkang Batu

**PEMBERITAHUAN MENGENAI PENAMBAHAN LAMPU KETIKA BERLAYAR
PADA WAKTU MALAM**

Sukacita di maklumkan kepada semua Pemilik, Syarikat Perusahaan dan Ejen-Ejen Perkapalan Kapal Tongkang Batu yang beroperasi di perairan Sungai Brunei supaya memasang lampu-lampu tambahan kepada kapal-kapal tongkang batu apabila berlayar pada waktu malam.

Lampu-lampu tersebut hendaklah di pasang bagi memudahkan pengguna-pengguna perairan Sungai Brunei mengenalpasti panjang dan lebar kapal-kapal tongkang batu tersebut. Ini adalah untuk menambah tahap keselamatan bagi semua pengguna-pengguna perairan Sungai Brunei.

Akan tetapi, adalah di ingatkan juga agar pemasangan lampu-lampu tambahan ini supaya tidak mengganggu penglihatan Nakhoda dan Pengemudi kapal berkenaan ketika berlayar.

Ketetapan telah di buat bahawa tarikh bermula penggunaan lampu-lampu tambahan ini adalah pada **hari Khamis, 01hb Mac 2012**.

Kerjasama semua Pemilik, Syarikat Perusahaan dan Ejen-Ejen Perkapalan Kapal Tongkang Batu dalam meningkatkan keselamatan semasa beroperasi di perairan Sungai Brunei adalah sangat-sangat di hargai demi kesejahteraan dan kewaspadaan bersama.

(HAJI MATNOR BIN HAJI SALLEH)
Pmk. Pengarah Laut

s.k: Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan

Ruj / Ref : 66 / JL / OL / 23A
Tarikh / Date : 22 Februari 2012
hms '12